

**HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN MENGAJAR
DENGAN PENGAPLIKASIAN PEMBELAJARAN
ABAD KE-21 (PAK21) DALAM KALANGAN
GURU PELATIH DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

SYAFIQ IDHAM BIN MOHAMMAD

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024**



HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN MENGAJAR DENGAN
PENGAPLIKASIAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21
(PAK21) DALAM KALANGAN GURU PELATIH
DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SYAFIQ IDHAM BIN MOHAMMAD



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 Februari 2024

i. Perakuan Pelajar:

Saya, SYAFIQ IDHAM BIN MOHAMMAD, D20201094003, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan Kepujian yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN MENGAJAR DENGAN PENGAPLIKASIAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21) DALAM KALANGAN GURU PELATIH DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Ts. Dr. Kesavan a/l Nallaluthan dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN MENGAJAR DENGAN PENGAPLIKASIAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK21) DALAM KALANGAN GURU PELATIH DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan Kepujian.

15 Februari 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Ts. Dr. Kesavan Nallaluthan
Senior Lecturer
Faculty of Management & Economics
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.



PENGHARGAAN



Alhamdulillah, terlebih dahulu, izinkan saya menyatakan kesyukuran yang amat dalam kepada Tuhan Yang Maha Esa, yang telah memberkati saya dengan nikmat kesihatan yang baik, tenaga yang mencukupi, kebolehan yang diberkati, dan dorongan yang berkekalan untuk menyiapkan laporan projek tahun akhir ini. Saya merasa sangat bersyukur atas segala anugerah-Nya yang telah memudahkan perjalanan saya dalam menyelesaikan kajian ini. Tidak lupa, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada ibu tercinta, Noraini binti Kahar, dan abang saya yang tercinta, Syafiq Amirul bin Mohammad, atas segala kasih sayang, sokongan moral, dan bantuan kewangan yang telah mereka berikan. Tanpa kehadiran dan sokongan mereka, saya tidak akan mampu melalui segala cabaran dengan penuh keyakinan dan ketabahan.



Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada pensyarah penyelia, Ts. Dr. Kesavan a/l Nallaluthan, yang telah mengabdikan banyak masa, tenaga, dan ilmu untuk membimbing saya melalui setiap tahap dan cabaran dalam projek tahun akhir ini. Bimbingan, nasihat, dan sokongan beliau telah membuka mata saya terhadap perspektif baru dan memperluaskan pengetahuan saya dalam bidang ini. Selain itu, saya juga ingin menyampaikan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan baik saya, Zaccherexy Larsom, yang sentiasa ada di sisi saya, memberikan sokongan, kerjasama, dan dorongan positif. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan AT21 yang banyak menjadi tulang belakang sepanjang hampir empat tahun pengajian dan saya mendoakan mereka berjaya bergelar sebagai seorang guru serta berbakti kepada negara.

Semoga segala pengorbanan, doa, dan bantuan yang diberikan oleh semua pihak secara langsung mahupun tidak langsung mendapat balasan yang baik dari Tuhan Yang Maha Esa. Saya berdoa agar segala usaha dan hasil dari projek ini dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dan kepada guru pelatih yang bakal digelar sebagai seorang “cikgu” kelak.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesediaan mengajar dari aspek pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta tahap pengaplikasian pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Kajian ini turut menilai hubungan kesediaan mengajar antara pengetahuan dengan kemahiran TMK serta mengkaji hubungan kesediaan mengajar dengan pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan sampel seramai 351 orang guru pelatih yang telah menjalani latihan mengajar 1 sebagai responden kajian. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan teknik kaedah persampelan rawak berstrata berkadaran. Pengutipan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengetahui kesediaan mengajar guru pelatih dengan pengaplikasian PAK21. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25 melibatkan analisis statistik deskriptif dan inferens. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan mengajar berada pada tahap yang tinggi serta tahap pengaplikasian PAK21 juga adalah tinggi dengan skor min masing-masing ialah min = 4.29, sp = 0.369 dan min = 4.01, sp = 0.271. Dapatan juga menunjukkan hubungan positif yang signifikan di antara dua subkonstruk serta antara kesediaan mengajar dengan pengaplikasian PAK21. Kesimpulannya, kajian ini memberi impak kepada pembinaan strategik polisi dan praktis ke arah penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran kepada guru pelatih dan membantu penyelidik akan datang menjalankan kajian lanjutan.

THE CORRELATION BETWEEN TEACHING READINESS AND THE IMPLEMENTATION OF 21st CENTURY LEARNING AMONG TRAINEE TEACHERS IN SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

ABSTRACT

This study was conducted to identify the level of teaching readiness in terms of knowledge and information and communications technology skills (ICT), as well as the level of implementation of 21st century learning. The study also assessed the relations between knowledge and ICT skills and examined the relations between teaching readiness and the implementation of 21st century learning among trainee teachers in Sultan Idris Education University (UPSI). A quantitative approach was employed using a survey method, involving a sample of 351 trainee teachers who had undergone their first teaching practice. The study sample was selected using a proportional stratified random sampling technique. Data collection was done through a questionnaire to assess the teaching readiness of trainee teachers in applying 21st century learning. The study data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25, involving both descriptive and inferential statistics analysis. Pearson correlation tests were used to examine significant relationships between the variables. The findings of the study revealed that the teaching readiness level was high, and the implementation of 21st century learning was also high, with mean scores of 4.29 (SD = 0.369) and 4.01 (SD = 0.271) respectively. The results also indicated a significant positive relationship between the two sub-constructs and between teaching readiness and implementation of 21st century learning. In conclusion, this study has implications for strategic policy development and practical improvements in the quality of teaching and learning for trainee teachers, as well as providing valuable insights for future research.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	5
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Kesediaan Mengajar	7
1.8.2 Guru Pelatih	8
1.8.3 Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)	9
1.9 Batasan Kajian	9
1.10 Kepentingan Kajian	10
1.10.1 Guru Pelatih	10
1.10.2 Universiti	10
1.10.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	11
1.11 Kesimpulan	12



BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Teori dan Model Pembelajaran	14
2.2.1 Teori Perubahan Kurt Lewin (1951)	14
2.2.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)	18
2.3 Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)	19
2.4 Guru dan PAK21	22
2.5 Kajian Lepas Yang Berkaitan	24
2.6 Aplikasi PAK21 Dalam Pengajaran	27
2.7 Kesimpulan	28
 BAB 3: METODOLOGI	 29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Lokasi Kajian	30
3.4 Populasi dan Sampel	31
3.5 Instrumen Kajian	33
3.6 Kajian Rintis	38
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	43
3.8 Analisis Data	44
3.8.1 Analisis Statistik Deskriptif	44
3.8.2 Analisis Statistik Inferens	45
3.9 Kesimpulan	47
 BAB 4: DAPATAN KAJIAN	 48
4.1 Pengenalan	48
4.2 Analisis Awal	49
4.3 Analisis Statistik Deskriptif	51
4.4 Analisis Faktor	55
4.5 Analisis Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 1	58
4.6 Analisis Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 2	59
4.7 Analisis Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 3	61
4.8 Analisis Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 4	62
4.9 Kesimpulan	65

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	66
5.1 Pengenalan	66
5.2 Ringkasan Kajian	67
5.3 Perbincangan Mengikut Persoalan Kajian	68
5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 1	68
5.3.2 Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 2	69
5.3.3 Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 3	70
5.3.4 Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian 4	71
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	74
5.5 Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.6 Kesimpulan	77
 RUJUKAN	 78
LAMPIRAN	87



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Populasi Guru Pelatih UPSI	31
3.2 Populasi dan Sampel Guru Pelatih UPSI Mengikut Fakulti	32
3.3 Ringkasan Kandungan Instrumen Kajian	33
3.4 Item Soal Selidik Pengetahuan Guru Pelatih Terhadap PAK21	34
3.5 Item Soal Selidik Kemahiran TMK Guru Pelatih Terhadap PAK21	36
3.6 Item Soal Selidik Pengaplikasian PAK21 Guru Pelatih	37
3.7 Rumusan Ulasan Pakar Penilaian Instrumen	40
3.8 Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	41
3.9 Nilai Kebolehpercayaan Dapatan Kajian	41
3.10 Keputusan Ujian Kepencongan dan Kurtosis	43
3.11 Interpretasi Nilai Skor Min	45
3.12 Interpretasi Korelasi	46
3.13 Skala Pekali Korelasi	46
4.1 Analisis Ujian-T Bagi <i>Non-Response Bias</i>	49
4.2 Taburan Kekerapan dan Peratus Berdasarkan Jantina	52
4.3 Taburan Kekerapan dan Peratus Berdasarkan Umur	52
4.4 Taburan Kekerapan dan Peratus Berdasarkan Kaum	53
4.5 Taburan Kekerapan dan Peratus Berdasarkan Fakulti	53
4.6 Keputusan Ujian Kepencongan dan Kurtosis	54
4.7 Ringkasan Statistik Kolineariti	54
4.8 Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan Ujian Bartlett	55
4.9 Nilai <i>Communalities</i>	56



4.10	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax	57
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pengetahuan Guru Pelatih UPSI Terhadap PAK21	58
4.12	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran TMK Guru Pelatih UPSI Terhadap PAK21	59
4.13	Tahap Kesediaan Mengajar Guru Pelatih di UPSI	61
4.14	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Pengaplikasian PAK21 Semasa Menjalani Latihan Mengajar 1	62
4.15	Analisis Korelasi Pearson Antara Pengetahuan Dan Kemahiran PAK21	63
4.16	Analisis Korelasi Pearson Antara Tahap Kesediaan Mengajar dengan Tahap Pengaplikasian PAK21	64
4.17	Ringkasan Keputusan Kajian	64

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	6
2.1 Tiga Tahap Perubahan Lewin	14
2.2 Model Penerimaan Teknologi (TAM)	18
3.1 Ukuran Skala Soal Selidik	38
4.1 Keputusan Analisis Kehilangan Data	50



SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
FBK	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
FKMT	Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi
FMSP	Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
FPEK	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
FPM	Fakulti Pembangunan Manusia
FSK	Fakulti Sains Kemanusiaan
FSKIK	Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif
FSM	Fakulti Sains dan Matematik
FSSK	Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
FTV	Fakulti Teknikal dan Vokasional
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PP	Pengetahuan Pedagogi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SP	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia telah menghadapi banyak perubahan dan perkembangan dalam membentuk pendidikan selari dengan pembangunan negara. Sistem pendidikan merupakan salah satu agen kemajuan negara selain daripada kestabilan politik, ekonomi, kebudayaan dan sistem nilai masyarakat. Ini menjadikan sekolah sebagai salah satu agen penyampaian ilmu yang bermakna kepada para pelajar (Abu Bakar & Ikhsan Othman, 2016).

Secara umumnya, kajian ini memberi fokus kepada analisis hubungan antara kesediaan mengajar daripada aspek pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dengan pengaplikasian pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam kalangan guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Guru pelatih UPSI ini melibatkan mahasiswa di semua fakulti yang telah menjalani latihan mengajar 1 pada 13 Ogos hingga 13 Oktober 2023.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan perguruan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kualiti pendidikan di semua peringkat sekolah di Malaysia. Salah satu peringkat penting dalam pembentukan guru ialah sesi latihan mengajar dalam tempoh pembelajaran di institusi pendidikan tinggi seperti di mana melatih calon guru yang bersedia untuk memikul tanggung jawab sebagai seorang guru. Sebagai seorang guru, mereka sewajarnya mempunyai pengetahuan tentang amalan PAK21 dalam melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah. Oleh itu, amalan PAK21 mendorong guru untuk menjalankan pengajaran yang menggunakan pengetahuan teori dan kemahiran praktikal mereka dengan berkesan.

Menyedari peranan guru dalam amalan PAK21, seorang guru mestilah dilengkapi dengan semua kualiti dan nilai yang diperlukan untuk menghadapi abad ke-21 yang mencabar. Guru perlu menjadi contoh dalam pembelajaran sepanjang hayat dan mempengaruhi pelajar secara positif terhadap pemikiran, gaya hidup dan tingkah laku mereka (Kolo, 2009). Untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan dalam pembelajaran abad ke - 21, guru bukan sahaja mesti memiliki teori pendidikan dan pengurusan bilik darjah yang kukuh tetapi juga bijak dalam melahirkan pelajar yang bersedia untuk memasuki alam persekolahan (Simmons, 2010; Salleh et al., 2015).

Selain itu, seorang guru harus memiliki kemahiran dalam menggunakan teknologi untuk memaksimumkan PdPc di dalam bilik darjah. Ini bertepatan dengan Ravendran dan Daud (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa sekiranya guru tidak menguasai kemahiran dalam sesuatu perisian, maka penggunaan TMK dalam pengajaran menjadi kurang efisien. Guru hendaklah membangunkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar dengan menyediakan tugas yang lebih bermakna serta meningkatkan pemahaman pelajar melalui pendekatan kolaboratif. Menurut Faridah Nazir et al. (2016), guru kini perlu memiliki ketangkasan daya cipta, kekuatan minda dan idea. Mary Yap (2015) pula menekankan bahawa kemahiran pedagogi perlulah

bersifat holistik dan meneroka penggunaan pelbagai kaedah pembelajaran yang memanfaatkan teknologi supaya kemahiran berfikir aras tinggi dapat dicungkil.

Oleh yang demikian, kajian ini telah dilaksanakan dengan jumlah populasi seramai 3,540 guru pelatih bagi peringkat Sarjana Muda Pendidikan di UPSI bersama responden minimal sebanyak 351 orang guru pelatih bagi membantu dalam menjayakan kajian ini. Seterusnya, kajian ini bagi mengenal pasti kewujudan hubungan antara kesediaan mengajar guru pelatih UPSI dari aspek pengetahuan dan kemahiran TMK dengan pengaplikasian PAK21.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran abad ke 21 (PAK21) merupakan salah satu daripada aspek yang penting bagi menangani perubahan ke arah PdPc yang berkesan dimana berinovasi daripada kaedah konvensional. Menurut Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) menunjukkan konsep keseluruhan PdPc PAK21 masih kurang difahami dengan jelas oleh guru pelatih dari sudut perancangan dan pelaksanaannya. Menurut Nurzarina dan Roslinda (2016) bahawa perubahan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuan guru terhadap PAK21. Pengetahuan guru tentang PAK21 dapat membantu dalam menentukan kaedah pengajaran terbaik yang boleh diaplikasikan secara berkesan di dalam bilik darjah. Namun begitu, kebanyakan guru masih tidak mempunyai pengetahuan sepenuhnya terhadap objektif PAK21 yang memerlukan mereka sebagai fasilitator kepada pelajar untuk melaksanakan aktiviti di sekolah. Hal ini demikian kerana, guru adalah penyumbang utama kepada keupayaan pelajar dalam menguasai kemahiran seperti komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Pengkaji turut mendapati bahawa tahap kesediaan guru dari aspek kemahiran TMK masih berada di tahap yang sederhana sedangkan kemahiran ini adalah suatu



keperluan guru kini (Isma Radhi & Norazah, 2021). Pernyataan ini disokong oleh Mohd Noh et al. (2016) mendapati bahawa, sebanyak 39% guru di sekolah mempunyai pengetahuan yang lemah terhadap penggunaan komputer dalam PdPc dan ini boleh mencetuskan masalah sekiranya guru tidak menguasai kemahiran tersebut. Badrul Hisham dan Mohd Nasruddin (2016) berpendapat kemahiran guru untuk memberi input dalam PdPc juga merupakan masalah yang timbul berkaitan penerapan dalam PAK21.

Selain kemahiran abad ke-21, kemahiran dalam penggunaan teknologi juga harus diberi penekanan (Nurzarina Amran & Rosli Roslinda, 2017). Hal ini juga disokong oleh Faridah Nazir et al. (2016) bahawa guru kini boleh dikaitkan dengan menguasai pelbagai kemahiran seperti kemahiran penggunaan teknologi, berketerampilan dalam pedagogi, cara penyampaian yang berkesan, analogi yang kukuh, ilustrasi yang menarik, memberikan contoh yang tepat dan munasabah. Tambahan lagi, Faridah Nazir et al. (2016) juga mengatakan guru perlu memberikan penerangan tentang isi pelajaran dengan jelas dan bermakna agar isi pelajaran dapat difahami oleh pelajar dengan mudah dan mampu mengaplikasikan teknologi maklumat semasa PdPc.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga pernah menyatakan bahawa guru sewajarnya menguasai kemahiran dalam pelaksanaan PAK21 seperti kemahiran hidup dan kerjaya, kemahiran pembelajaran dan inovasi serta kemahiran maklumat media dan teknologi. Hal ini juga selari bahawa penggunaan teknologi dalam PdPc amat berkait rapat dengan pelaksanaan PAK21. Sehubungan dengan itu, kesediaan mengajar dalam pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru pelatih juga perlu dilihat dari aspek kemahiran TMK (Lee & Mohamed, 2021).

Oleh itu, kajian ini melihat kepada tahap kesediaan mengajar dari aspek pengetahuan dan kemahiran TMK serta tahap pengaplikasian PAK21 sekali gus menilai hubungan antara kesediaan mengajar dengan pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru pelatih di UPSI.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif seperti berikut iaitu:

- 1) Mengenal pasti tahap kesediaan mengajar guru pelatih UPSI daripada aspek pengetahuan.
- 2) Menentukan tahap kesediaan mengajar guru pelatih UPSI daripada aspek kemahiran TMK.
- 3) Mengenal pasti tahap pengaplikasian PAK21 guru pelatih UPSI semasa menjalani latihan mengajar 1.
- 4) Mengkaji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan mengajar dengan pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru pelatih di UPSI.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah timbul untuk dijawab dalam kajian ini, diantaranya adalah:

- 1) Sejauh manakah tahap kesediaan mengajar guru pelatih UPSI daripada aspek pengetahuan?
- 2) Bagaimanakah tahap kesediaan mengajar guru pelatih UPSI daripada aspek kemahiran TMK?
- 3) Apakah tahap pengaplikasian PAK21 guru pelatih UPSI semasa menjalani latihan mengajar 1?
- 4) Adakah terdapat hubungan antara kesediaan mengajar dengan pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru pelatih di UPSI?


1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis merujuk kepada jangkaan pengkaji berkaitan dengan hasil kajian yang bakal diperoleh melalui data kajian. Dalam kajian ini, hipotesis alternatif digunakan untuk menjangka hasil kajian.

H₁ : Terdapat hubungan yang signifikan kesediaan mengajar antara aspek pengetahuan dengan kemahiran TMK dalam kalangan guru pelatih di UPSI.

H₂ : Terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan mengajar dengan pengaplikasian PAK21 dalam kalangan guru pelatih di UPSI.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual

Berdasarkan Rajah 1.1, kerangka konsep kajian menunjukkan kesediaan mengajar guru merangkumi pengetahuan dan kemahiran TMK. Guru merupakan tunjang utama untuk melakukan perubahan strategi pengajaran yang cenderung ke arah pengaplikasian PAK21. Guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tersebut diperlukan dalam usaha menjayakan PAK21 di sekolah-sekolah.

1.8 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang diguna pakai dalam kajian akan dibincangkan dalam bahagian ini. Istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut.

1.8.1 Kesediaan Mengajar

Kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Dalam konteks kesediaan mengajar pula merujuk kepada keupayaan persiapan individu untuk melaksanakan PdPc yang terbahagi kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Kesediaan mengajar guru menjadi cabaran terbesar dalam melaksanakan PAK21 yang merangkumi dari aspek pengetahuan dan kemahiran TMK. Keadaan ini adalah selari dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara khususnya amalan dalam PAK21 dan pengurusannya yang memerlukan kesediaan guru yang efektif (Vhyshnavi & Khairul Azhar, 2021).

1.8.1.1 Pengetahuan

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015), pengetahuan didefinisikan sebagai ilmu atau semua yang telah diketahui atau dipelajari. *National Council for Accreditation of Teacher Education* (2008) berpendapat bahawa pengetahuan sebagai penguasaan ilmu



yang dimiliki oleh seorang guru yang meliputi semua prinsip dan konsep. Oleh hal yang demikian, seorang guru pelatih harus memiliki pengetahuan pedagogi (PP) abad ke-21 selari dengan Mashira et al. (2019) yang menyatakan bahawa pengetahuan pedagogi umum yang harus diketahui oleh seorang guru termasuklah kaedah dan prinsip pengajaran seperti teknik dan pendekatan yang sesuai dalam proses pengajaran.

1.8.1.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merujuk kepada kemahiran yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Kemahiran ini meliputi penggunaan perisian, peranti keras, rangkaian, dan aplikasi untuk mengakses, mengumpul, memproses, dan menghantar maklumat. Menurut Nur Aisyah dan Hazrati (2022), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam PdPc memberikan satu anjakan baru dalam strategi pengajaran guru. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (2013-2025), anjakan ketujuh dalam pelan tersebut adalah mengenai keperluan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Teknologi maklumat dan komunikasi digunakan sebagai alat bantu mengajar dalam proses PdPc serta membantu guru dalam melaksanakan PAK21 dengan lebih kreatif dan memberikan motivasi kepada pelajar.

1.8.2 Guru Pelatih

Guru pelatih merupakan individu yang mendapat pengajaran daripada pensyarah serta pengetahuan dan kemahiran di institut pengajian tinggi (Idrus, Iskandar & Awang, 2017). Program latihan mengajar adalah komponen penting yang menghubungkan pembelajaran di kampus dengan kerjaya guru. Dasar pendidikan Malaysia yang selaras dengan sistem pendidikan terbaik di dunia, sentiasa mengambil kira kebolehan guru.



Latihan mengajar menjadi pemangkin kepada guru pelatih untuk meningkatkan dan memperbaiki kemahiran dalam aspek isi kandungan pengajaran, pengetahuan pedagogi serta menghubungkan antara teori-teori psikologi dengan pengalaman sebenar di bilik darjah (Jafar, Hasan & Yusoff, 2017). Guru pelatih perlu pengalaman mengajar yang banyak bagi memudahkan sesi pengurusan mengajar di sekolah pada masa hadapan. Pengalaman boleh memamatkan guru menangani murid pelbagai ragam.

1.8.3 Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21)

PAK21 adalah satu pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid yang berfokuskan kepada elemen-elemen seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. PAK21 telah diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2014 sebagai sebahagian daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (2013-2025). PAK21 memainkan peranan penting dalam mendorong bidang pendidikan terutamanya teknik pedagogi guru.

1.9 Batasan Kajian

Dalam konteks kajian, terdapat beberapa limitasi yang tertentu antaranya termasuklah kajian yang dilaksanakan bukannya dilakukan di semua peringkat pengajian namun hanya dijalankan di peringkat Sarjana Muda Pendidikan. Peringkat pengajian tersebut dipilih kerana pelajar tersebut terdiri daripada pelbagai program pendidikan serta memudahkan pengkaji mendapatkan data yang sahih dan tepat daripada pelajar itu tersendiri.

Namun begitu, dapatan akhir kajian tidak menunjukkan keputusan keseluruhan kerana jumlah persampelan terhad kepada pelajar di UPSI sahaja. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar Sarjana Muda Pendidikan sahaja dan jumlah bagi keseluruhan pelajar tersebut seramai 3,504 orang pelajar.

1.10 Kepentingan Kajian

Bahagian ini akan membincangkan tentang kepentingan kajian yang dijalankan kepada semua pihak seperti berikut.

1.10.1 Guru Pelatih

Kajian ini membuka peluang bagi mereka untuk mendalami konsep PAK21 dan memahami bagaimana ia dapat diaplikasikan dalam konteks pengajaran mereka. Guru pelatih dapat menilai kesediaan mereka sendiri dalam mengadaptasi pendekatan PAK21, mengidentifikasi kekuatan dan kelemahan, serta mengenali cabaran yang dihadapi dalam proses pengajaran. Hasil kajian ini tidak hanya memberikan pemahaman yang mendalam kepada guru pelatih, tetapi juga memberikan landasan untuk penyediaan sokongan, latihan tambahan, dan peningkatan kualiti pengajaran. Dengan meningkatkan kesediaan dan kemahiran mereka dalam mengaplikasikan PAK21, guru pelatih dapat menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kualiti pendidikan.

1.10.2 Universiti

Pihak universiti yang bertanggungjawab dalam menyediakan program pendidikan guru mendapati bahawa kajian ini memberikan manfaat yang signifikan. Hasil kajian ini



memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang PAK21 juga memberikan peluang kepada universiti untuk menyesuaikan kurikulum dan pelan pembelajaran mereka selari dengan matlamat PAK21. Dengan memahami keperluan sebenar guru pelatih di lapangan, universiti dapat merancang dan melaksanakan program yang lebih relevan dan efektif. Ini bukan sahaja akan meningkatkan kualiti pendidikan yang disediakan oleh universiti, tetapi juga akan memastikan bahawa guru pelatih mendapat manfaat maksimum daripada program tersebut. Oleh itu, kajian ini memberikan manfaat yang besar kepada universiti dan membantu mereka dalam usaha mereka untuk menyediakan pendidikan guru yang berkualiti tinggi.

1.10.3 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Hasil kajian ini memang berpotensi menjadi sumbangan penting dalam pemetaan pendidikan guru di peringkat nasional. Ia dapat membantu pihak KPM dalam membuat keputusan dan dasar yang berkaitan dengan pendidikan guru. Dengan memahami lebih baik tentang pengetahuan dan kemahiran TMK dalam mengaplikasikan PAK21, KPM dapat membuat penilaian yang lebih tepat dan memantapkan kualiti program pendidikan tinggi di bidang pendidikan guru.

Bukan itu sahaja, kajian yang dilakukan akan mampu membawa penambahbaikan dalam KPM khususnya pada Bahagian Pendidikan Guru (BPG). BPG boleh merancang dan menyusun kursus yang sesuai dengan tuntutan kurikulum bersepadu misalnya kursus dalam perkhidmatan atau kursus pedagogi. Hal yang sedemikian penting bagi usaha mengkaji semula kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam kurikulum pendidikan guru yang sedia ada sekali gus mengenal pasti aspek penting yang wajar diberi penekanan dalam kalangan guru.



1.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji telah membincangkan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan konsep-konsep dalam kajian. Pengkaji telah mengkaji tentang pengetahuan dan kemahiran TMK guru pelatih UPSI dan hubungannya dengan pengaplikasian PAK21. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada bakal guru khususnya serta pihak-pihak lain yang menggunakan hasil kajian ini.